

Bukan usia menjadi ukuran

BH - 16/2/2006

Jangka hayat khidmat anggota Kabinet tertakluk kepada kecemerlangan tugas

Analisis

Oleh Kalimullah Hassan

BERBULAN lamanya media membuat spekulasi mengenai rombakan Kabinet. Ia hebat digembar-gemburkan dan bahangnya bukan setakat menghangatkan ahli politik, malah turut menular ke pasaran saham. Namun, apabila senarai penuh rombakan diumumkan kelmarin, banyak mulut yang terkunci bisu.

Masing-masing terdiam kerana harapan sebelumnya tinggi mengunggu; menyangka perubahan besar-besaran bakal berlaku terutama pengguguran nama 'orang lama' seperti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Datuk Seri S Samy Vellu dan Datuk Seri Rafidah Aziz.

Terdiam juga kerana 'muka lama' seperti Datuk Seri Effendi Norwawi dan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor kembali tersenarai, bukan tenaga muda dinaikkan pangkat.

Apabila ahli politik dan media cuba membaca pemikiran serta cuba bersikap mendahului Perdana Menteri, muncul gembar-gembur sedemikian. Semuanya kerana mereka mempunyai senarai pilihan sendiri dan apabila tiga permintaan yang diharapkan tidak menjadi nyata, masing-masing berasa terpedaya.

Benar, sesiapa pun berhak merangka pasukan impian sendiri. Namun akhirnya, hanya seorang yang membuat keputusan berdasarkan jangkaan, perancangan dan segala yang diketahuinya mengenai anggota pasukannya - Perdana Menteri.

Adakah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu menampilkan senarai lebih baik? Mungkin. Apakah pasukannya itu teruk? Sudah tentu tidak.

Mengambil kira hambatan yang perlu dipatuhinya berdasarkan prinsip perkongsian kuasa parti politik dan faktor geografi, tidak banyak yang dapat dilakukan Abdullah ke arah menepati ramalan untuk melepaskan beberapa pemimpin veteran.



Rafidah Aziz

Dr Lim, Samy Vellu dan Rafidah cepat melaksanakan tanggungjawab selama ini, malah ketiga-tiganya hampir pasti semakin menghampiri penghujung dalam meniti tangga kepimpinan parti masing-masing.

Pun demikian, Abdullah memerlukan tenaga berpengalaman untuk melaksanakan pelbagai program menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) - pemacu bagi separuh kedua yang akan melorongan laluan Malaysia mencapai status negara maju menerusi Wawasan 2020 yang dilancarkan pada 1990.

Menaikkan pangkat pemimpin muda semata-mata untuk menaikkan pangkat mereka sama seperti melepaskan tanggungjawab pelaksanaan RMK-9 di tangan golongan kurang berpengalaman. Begitupun, apabila RMK-9 melepasi separuh penggalnya dua tahun lagi, pasti ramai pemimpin pelapis akan berganjak menjadi menteri.

Justeru, apabila kejayaan awal dianggap genting dalam menyediakan asas kukuh bagi tempoh 15 tahun akan datang, apakah beliau wajar mempertaruhkan muka baru untuk menerajui kementerian penting?

Perhatikan analogi seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat Mesdaq yang berhasrat me-



Lim Keng Yaik

ngambil langkah penting untuk meletakkan syarikatnya setaraf syarikat ternama. Wajarkah beliau memberikan tanggungjawab menerajui usaha itu kepada penolong pengurus besar hanya kerana pengarah eksekutifnya sudah terlalu lama menyandang jawatan?

Jika pengarah eksekutif itu tidak mempamer prestasi meyakinkan, memang langkah terbaik ialah menggantikannya. Mengambil kes Rafidah sebagai contoh, Abdullah tanpa berselindung menegaskan bahawa 'Wanita Besi' itu masih diperlukan untuk menangani pelbagai urusan berkaitan kemunculan semakin banyak perjanjian perdagangan bebas (FTA), di samping keperluan menggerakkan pelbagai usaha dagang sepanjang tempoh RMK-9.

Bagi Perdana Menteri, Rafidah amat memahami tanggungjawabnya dan berupaya melaksanakan apa yang sepatutnya. Dengan atau tanpa kontroversi permit import (AP), Rafidah memang cemerlang mengendalikan portfolionya dan itulah sebabnya beliau perlu dikekalkan.

Sama juga halnya dengan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Shafie Salleh. Perang mulutnya dengan beberapa naib canselor universiti menyebabkan usaha meningkatkan

mutu pendidikan tinggi lembap, justeru beliau digugurkan dan diganti Datuk Mustapa Mohamed yang jauh lebih teliti, ramah serta terbuka menerima pandangan.

Ketika Datuk Dr Leo Michael Toyad dilihat kurang bermaya menerajui Kementerian Pelancongan - sektor utama dalam menjana ekonomi negara - berbanding menteri sebelumnya, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir, beliau turut diketepikan untuk memberi laluan kepada Tengku Adnan yang pernah menganggotai Kabinet.

Melihatkan corak pengendalian Mustapa yang terlalu teliti hingga menyebabkan agensi perancang ekonomi kerajaan di bawahnya bergerak amat perlahan, Abdullah meletakkan Effendi - tokoh usahawan yang berupaya membuat keputusan dengan pantas dan tepat.

Kepakaran Mustapa amat berguna di Kementerian Pengajian Tinggi, dalam usaha Abdullah menggerakkan usaha pembinaan keupayaan dan menghasilkan sumber manusia terlatih.

Pada masa sama, industri pelancongan diharap lebih bertenaga dengan gaya bersahaja Adnan, berbanding Toyad yang pendiam.

Datuk Zulhasnan Rafique sememangnya pilihan terbaik untuk memimpin Kementerian Wilayah Persekutuan, berdasarkan pengalaman luasnya berhubung isu serta masalah di Wilayah Persekutuan, ditambah kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Setiawangsa.

Besar kemungkinan, pelantikan Datuk Zainuddin Maidin sebagai Menteri Penerangan, berdasarkan latar belakangnya di akhbar *Utusan Malaysia*. Yang pasti, usia bukan faktornya kerana Zainuddin kini berada dalam kelompok sama dengan Dr Lim dan Samy Vellu, malah lebih tua daripada Rafidah.

Sejak bergelar Timbalan Menteri Penerangan, bagaikan ada sesuatu yang tidak kena dalam hubungan Zainuddin dengan eksekutif kanan beberapa media arus perdana. Ironinya, sehari sebelum dilantik Menteri, Zainuddin pada mesyuarat tertutup Biro Penerangan Umno, men-

cadangkan beberapa pengarang kanan Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) dipecat.

Bagaimanapun, dalam nada lembut, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menegur Zainuddin dengan mengatakan beliau tersalah forum untuk meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap media.

Melainkan seorang senator dari Johor dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dari Kelantan, tiada ahli pada mesyuarat itu yang berkongsi pandangan dengan Zainuddin.

Perselisihan Zainuddin dengan eksekutif kanan media itu sebenarnya berlaku kerana beliau melihat dirinya sebagai pengarang media Malaysia - jawatan yang tidak pernah wujud di negara ini.

Satu daripada teras pentadbiran Abdullah ialah memastikan media diberi kebebasan, asalkan pengamalannya tidak melanggar batas sehingga boleh mencetuskan pergeseran kaum dan kebencian agama.

Apa sekalipun keadaannya, negara mempunyai undang-undang untuk memastikan media Malaysia tidak menyalahgunakan kebebasan yang dimiliki, seperti tindakan media Denmark dan Eropah menyiarkan karikatur Nabi Muhammad SAW, baru-baru ini.

Pengarang dan penerbit akhbar *China Press* serta *Sarawak Tribune* seharusnya lebih memahami bahawa selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Abdullah tidak bertolak ansur apabila batas itu dilangkai.

Abdullah mempertaruhkan reputasi diri dan pentadbirannya menerusi barisan Kabinet yang diumumkan kelmarin.

Prestasi mereka akan menentukan sama ada Barisan Nasional mampu mencatat kemenangan gemilang pada pilihan raya umum 2009 seperti diraih pada 2004.

Jika barisan kepemimpinan yang dipilihnya gagal, jangka hayat mereka sebagai menteri - tanpa mengira baru atau lama - mungkin sama singkatnya seperti Shafie atau Toyad. Malah, mungkin lebih pendek daripada itu.